

Pembangunan Pembacaan Efektif Melalui Model Empat Sumber

Norhidayat Mohamad Noor

norhidayat_mohamad_noor@schools.gov.sg

Aidil Md Idris

aidil_md_idris@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Clementi Town

Abstrak

Kajian ini menerapkan kaedah pembangunan daya pembacaan kritis atau literasi kritis (*Critical Literacy*) melalui model Empat Sumber (*Four Resource Model*) oleh Peter Freebody dan Allan Luke (1990). Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan pembacaan pelajar Bahasa Melayu Lanjutan. Kajian ini berusaha untuk mencari pendekatan yang sesuai bagi menggalakkan pembacaan aktif dalam kalangan pelajar. Menerusi perbincangan kritis terhadap sesebuah cerpen, pelajar berupaya menghasilkan sebuah penulisan dengan mengaplikasikan pemahaman baharu yang mereka peroleh daripada cerpen tersebut. Pada akhir kajian, guru mendapati pelajar dapat berfikir lebih matang dan kritis.

Kata Kunci: literasi kritis, modal Empat Sumber, Bahasa Melayu Lanjutan



PENGENALAN

Bagi menyiapkan para pelajar untuk cabaran abad ke-21, penguasaan bahasa para pelajar harus dibina secara berperingkat sejak di sekolah rendah lagi. Selaras dengan kemahiran abad ke-21, kemahiran berfikir para pelajar juga harus dibina secara sistemik dan berstruktur. Salah satu langkah yang dapat menyokong matlamat ini adalah dengan pembangunan daya pembacaan kritis atau literasi kritis dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Pendekatan pembacaan kritis dalam pelajaran Bahasa Melayu mengukuhkan dan mempertingkatkan kemahiran membaca dan menulis para pelajar. Menerusi pendekatan pembacaan kritis, pelajar dapat berfikir secara kritis, menyoal perkara di sekeliling mereka dan mengubah persepsi mereka terhadap diri sendiri serta persekitaran mereka. Melalui perbincangan yang aktif, penyoalan kritis, renungan peribadi dan pengaplikasian pemahaman pelajar kepada konteks kehidupan, akan timbul kesedaran dalam diri pelajar untuk bertindak dan memperbaiki diri, sekali gus mengubah sesuatu persepsi.

Menerusi pengenalan pendekatan pembacaan kritis dalam pelajaran Bahasa Melayu, model tersebut dijangkakan dapat memperkasakan para pelajar daripada seorang pembaca teks secara literal, kepada seorang penganalisis teks.

PERNYATAAN MASALAH

Pada awal tahun ini, kumpulan Pembelajaran Profesional Bahasa Melayu Sekolah Menengah Clementi Town mendapati kurangnya budaya amalan membaca dalam kalangan pelajar. Guru-guru juga mendapati bahawa ketika membaca, para pelajar hanya berperanan sebagai pembaca pasif yang hanya melihat teks dari sudut luarannya sahaja. Secara amnya, di dalam kelas, para pelajar hanya membaca untuk mencari isi dan menjawab soalan kefahaman.

Bagi menguji hipotesis pengkaji, sebuah borang tinjauan yang menggunakan Model Empat Sumber (MES) telah diberikan kepada 23 orang pelajar Bahasa Melayu. Guru kemudiannya, merujuk panduan *Oxford* (1990) dalam menganalisis skala Likert yang diraih.

Guru mendapati bahawa para pelajar mempunyai kemahiran pembacaan kritis yang sederhana. Pelajar mempunyai kemahiran asas untuk mentafsir makna perkataan dengan min 3.08 dan memahami kandungan teks dengan min 3.0916. Namun, para pelajar masih perlu mempertingkatkan lagi



kemahiran menganalisis. Tinjauan awal menunjukkan bagi analisis teks minnya 3.0456 dan mengaplikasikan teks minnya 2.8112.

Bagi kemahiran memecahkan kod, kebanyakan pelajar didapati telah menetapkan tujuan mereka membaca dan dapat mengenal pasti perkataan baharu atau sukar dan konsep-konsep utama dalam teks semasa membaca. Namun begitu, hampir 70% orang pelajar tidak menyenaraikan perkataan-perkataan baharu tersebut. Hal ini menekankan perlunya langkah eksplisit agar pelajar dapat menyenaraikan perkataan-perkataan baharu yang telah dipelajari semasa aktiviti membaca. Langkah ini dapat mengukuhkan lagi tujuan mereka membaca dan membimbing mereka dalam memahami konsep-konsep baharu yang bakal ditemui dalam bahan-bahan bacaan yang akan datang.

Bagi kemahiran memahami teks pula, didapati bahawa kebanyakan pelajar sudah mahir dan terbiasa dengan langkah-langkah membuat ramalan mengenai teks, mengaitkan latar belakang dan pengalaman kepada teks, membina dan menjawab soalan mengenai teks serta memahami teks secara literal dan inferens. Namun begitu, tinjauan juga menunjukkan perlunya penekanan untuk pelajar menggunakan peta minda dan rangsangan grafik untuk mengukuhkan lagi pemahaman mereka terhadap teks.

Selain pengukuhan-pengukuhan yang boleh guru sediakan untuk meningkatkan kemahiran memecahkan kod dan memahami teks, tinjauan yang dijalankan menunjukkan trend kurangnya menggunakan kemahiran menganalisis teks yang memerlukan kemahiran berfikir yang lebih kritis. Semasa aktiviti membaca, pelajar tidak dapat menghubungkan atau membandingkan teks dengan teks yang lain. Malah, pelajar juga tidak dapat mengupas apa yang hendak disampaikan oleh penulis dengan lebih mendalam. Di samping itu, pelajar juga tidak dapat menggunakan pengetahuan yang dapat diraih dalam teks untuk meningkatkan kemahiran peribadi dan sosial mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan bacaan pelajar Bahasa Melayu Lanjutan dalam literasi kritis; dan
2. meningkatkan kebolehan berfikir secara kritis pelajar dalam memahami teks dengan lebih mendalam dengan penggunaan model Empat Sumber.



KAJIAN LEPAS

Pendekatan literasi kritis dapat menggalakkan pembaca memahami sesuatu teks lebih daripada bacaan secara literal sahaja. (Jesse Gainer, 2007). Pendekatan ini menekankan penyooalan dan analisis mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. serta Para pembaca dapat memperkasakan diri mereka melalui kesedaran yang mereka timba ketika mengenal pasti mesej-mesej yang tersisip dalam teks. Diharapkan juga, melalui pemeraksanaan ini, mereka dapat membuat penilaian terhadap idea-idea yang diketengahkan.

Pelajaran yang menerapkan pendekatan literasi kritis memerlukan para pelajar menyoal isi kandungan dan tujuan teks dengan melakukan dekonstruksi teks yang dibaca, kemudian menganalisis mesej-mesej yang tersirat dalam teks tersebut. Pada akhir pelajaran, para pelajar harus membina semula dan menghasilkan teks baharu berdasarkan analisis kritis yang telah mereka jalankan (Gainer, 2007). Diharapkan para pelajar dapat menyedari bagaimana pelbagai jenis teks dapat mempengaruhi identiti mereka, justeru mengambil keputusan yang bijak dalam kehidupan mereka.

Pelajaran literasi kritis MES harus mempunyai empat sikap teras yang dapat memandu penyooalan kritis terhadap teks (Stevens dan Bean, 2007 Pertama, para pembaca digalakkan menyoal pendirian penulis serta mengenal pasti kecenderungannya terhadap perkara yang diketengahkan. Teks yang disajikan dilihat sebagai wakil pemikiran penulis. Pembaca harus menyoal tentang apa yang disertakan serta siapa yang membenarkan keputusan itu. Kedua menekankan penyediaan ruang yang selesa bagi pelajar berbincang dan bersifat terbuka. Ketiga, penelitian terhadap fungsi dan pembinaan kata atau ayat dalam teks. Pembaca akan membincangkan pemilihan kata, bahasa, imej, susun atur dan pelbagai lagi perkara yang mencerminkan pemikiran penulis. Keempat melalui proses dekonstruksi. Para pembaca dapat mengenal pasti pihak-pihak berkepentingan.. Pembaca kemudian dapat membuat keputusan untuk mengemukakan teks tersebut berdasarkan perspektif yang berbeza..Menurut Peter Freebody dan Allan Luke (1990), pembacaan yang berkesan merangkumi beberapa amalan yang membolehkan para pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti membaca dan menulis. Antara lain yang diketengahkan seperti memecahkan kod dalam teks, mencari maksud dalam teks, mengaitkan teks dengan konteks sosial yang berbeza dan menganalisis teks untuk menghasilkan teks yang baharu.



KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada aspek pengajaran merangsang minat dan memantau pemahaman dan memberikan maklum balas. Bagi aktiviti mengajar pula, menggunakan cerita dan imejan dan saya tahu, saya buat dan saya semak dipilih bersesuaian dengan fokus kajian. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas bagi pembacaan efektif.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang minat	AM1: Menggunakan cerita dan imejan Cerita digunakan untuk membangkitkan minat pelajar. Teknik ini membantu pelajar dalam pembinaan pengalaman pembelajaran mereka. Apabila motivasi pelajar diaktifkan, pelajar akan berusaha untuk mengetahui apa yang akan dipelajari.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberikan Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Guru mendapatkan maklum balas dari pelajar dari masa ke semasa untuk memastikan pemahaman yang tuntas.
Penerangan dan Justifikasi	MES memberikan kaedah dan struktur dalam menilai isi pembelajaran dan memastikan kesemua empat sumber pengajaran diajarkan secara eksplisit. Hal ini menggalakkan pembacaan dan penulisan yang ditempatkan dalam konteks yang autentik.	

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 23 orang pelajar dari kelas Bahasa Melayu Lanjutan. Menengah 1 seramai 15 orang dan Menengah 3 seramai 8 orang.

Instrumen Kajian

Bagi kajian ini, guru meneliti keberkesanan pengajaran literasi kritis yang dijalankan. Keberkesanan ini diukur daripada beberapa faktor, iaitu:

1. Peningkatan markah pelajar dalam karangan ekspositori (Ujian Prakajian dan Ujian Pascakajian);



2. Kedalaman respons pelajar semasa sesi perbincangan bebas (respons lisan dan respons bertulis carta Model Empat Sumber); dan
3. Produk Rekonstruksi pelajar di akhir pelajaran literasi kritis.

Prosedur Kajian

Pada akhir penggal pertama, pengkaji telah menjalankan tinjauan mengenai tabiat pembacaan pelajar di sekolah. Setelah meneliti hasil tinjauan tersebut, pengkaji menjalankan praujian bagi menguji penulisan ekspositori pelajar. Topik karangan ekspositori mirip dengan isu utama teks naratif yang menjadi sebahagian daripada bahan bacaan pelajar pada Penggal pertama.

Berdasarkan keputusan praujian, para pelajar Menengah 1 Bahasa Melayu Lanjutan (1HML) mendapat markah purata sebanyak 25/40 manakala pelajar Menengah 3 Bahasa Melayu Lanjutan (3HML) mendapat markah purata 35/60. Didapati juga bahagian huraian dan pengembangan isi mereka kurang jelas dan mendalam. Menerusi analisis karangan-karangan pelajar, pengkaji mendapati bahawa karangan yang dihasilkan kurang kritis. Tujuan karangan turut kurang menyerlah. Hal ini berlaku kerana kurangnya tabiat membaca dan perbincangan kritis mengenai bahan bacaan mereka dilakukan.

Berdasarkan dapatan ini, pengkaji merangka rancangan pengajaran bagi pelajaran literasi kritis, khususnya yang menerapkan MES. Pengajaran ini dirancang untuk dijalankan kepada pelajar kelas Menengah 1 Bahasa Melayu Lanjutan pada awal Penggal tiga. Setelah meneliti keberkesanan pelajaran, sebuah pelajaran yang ditambah nilai dijalankan kepada pelajar Menengah 3 Bahasa Melayu Lanjutan. Sebagai langkah rumusan, pengkaji menjalankan pascaujian. Pelajar dikehendaki menulis karangan ekspositori bersangkutan isu yang dibincangkan dalam pelajaran literasi kritis. Guru kemudiannya membandingkan hasil ujian-ujian yang dijalankan, meneliti respons lisan dan tulisan pelajar serta produk rekonstruksi pelajar pada akhir pelajaran mereka.

Huraian Pelajaran Literasi Kritis yang Dijalankan

Pelajaran yang dirancang dibahagikan kepada dua bahagian dan dijalankan selama 70 minit bagi setiap bahagian. Pelajaran pertama dijalankan ke atas pelajar Menengah 1 Bahasa Melayu Lanjutan. Pelajaran kedua merupakan peningkatan terhadap pelajaran pertama dan dijalankan ke atas pelajar Menengah 3 Bahasa Melayu Lanjutan. Pelajaran yang dijalankan hampir serupa kerana ingin melihat keberkesanan penerapan MES dalam sebuah pelajaran literasi kritis. Perbedaannya ialah produk rekonstruksi yang dihasilkan pelajar 1HML merupakan karangan ekspositori manakala pelajar 3HML menyiapkan puisi berdasarkan pemahaman baharu mereka mengenai topik pencemaran alam



sekitar. Analisis pembacaan kritis dilihat menerusi perbincangan pelajar, respons lisan dan input-input berdasarkan soalan-soalan kritis MES. Produk rekonstruksi pula dilihat sebagai rumusan hasil pemahaman pelajar terhadap topik yang dibincangkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Memecahkan Kod dan Memahami Teks

Dapatan kajian menunjukkan MES mendorong pelajar agar lebih proaktif dan terarah dalam memperkukuhkan kosa kata yang berkaitan dengan teks. Mereka secara tidak langsung lebih memahami jalan cerita serta persoalan-persoalan yang diketengahkan di samping menguasai kosa kata yang berkaitan dengan tema cerita. Proses pemerolehan kosa kata dan pemahaman teks ini jelas terlihat menerusi penggunaan kosa kata tersebut dalam karangan pelajar.

Mengaitkan Teks

Pelajar dapat menggunakan teks secara fungsional kerana berjaya mengaitkan hubungan sosial dengan teks. Ini dilaksanakan melalui perbincangan dan kajian yang dilakukan pelajar apabila mereka mencari kaitan cerpen dengan pengalaman peribadi, bahan yang pernah dibaca atau didengari. Pelajar juga telah mengukuhkan pemahaman mereka mengenai cerpen yang dibaca dengan mencari artikel-artikel dalam talian yang berkaitan dengan tema cerita. Sebagai langkah tambahan, pelajar juga dituntut agar mencari persamaan dan perbezaan artikel-artikel tersebut dengan cerpen. Artikel-artikel ini dijadikan sebahagian daripada hujah pelajar semasa mengemukakan pendapat mereka mengenai isu yang dibincangkan. Walaupun para pelajar pada mulanya memerlukan bimbingan guru dalam mengemukakan pendapat yang mendalam dan autentik, pada akhir sesi perbincangan, para pelajar dapat meluaskan pendapat-pendapat asal mereka dengan huraian dan penjelasan yang lebih kritis dan tersusun. Kesemua langkah-langkah yang diambil ini memastikan pelajar dapat memenuhi tuntutan sebagai pengguna teks yang efektif.

Menganalisis Teks

Pelajar juga didapati dapat menganalisis teks dengan efektif apabila mereka berjaya menghasilkan karangan ekspositori dan puisi yang dapat mengimbangi sudut pandangan penulis, pendapat sendiri dan pendapat yang diperolehi daripada bahan-bahan bacaan tambahan pelajar. Ini membuktikan bahawa pelajar lebih bijak berfikir dan mengambil sudut pandangan yang berbeza dalam membentuk pandangan mereka yang tersendiri. Melalui langkah ini,




perbincangan pelajar menjadi lebih matang dalam menentukan sasaran bagi tindakan susulan mereka. Perkara ini dapat meningkatkan kemampuan pelajar mengemukakan sesuatu idea.

Hasil Ujian dan Respons Lisan dan Tulisan Pelajar

Sepanjang pengajaran diadakan, guru memantau respons pelajar dalam bentuk lisan dan penulisan untuk mengenal pasti perkembangan pelajar apabila pendekatan ini digunakan. Secara amnya, pelajar didapati lebih yakin dan berkemampuan membincangkan, menerima mahupun menolak idea yang diketengahkan oleh penulis. Guru juga mendapati bahawa isi penulisan dan perbincangan pelajar lebih mendalam dan kritis setelah pelajar didedahkan dengan pendekatan ini.

Sebagai tambahan, guru juga telah meneliti hasil penulisan pelajar sebagai kayu ukur tambahan dalam kajian ini. Apabila markah penulisan pelajar dibandingkan, guru mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam markah isi untuk kertas 1 yang diraih oleh pelajar untuk peperiksaan SA2 berbanding peperiksaan SA1. Ini membuktikan keberkesanan pendekatan ini dalam menepati tujuan jangka masa kajian ini.

Rajah 1: Analisis Pascapelajaran dalam Bahasa Melayu



Hasil Rekonstruksi Pelajar

Pelajar menunjukkan bahawa mereka telah pun meraih pemahaman dalam isu yang diketengahkan dengan menghasilkan karangan ekspositori dan puisi. Pelajar dilihat lebih kritis dalam penulisan mereka dan lebih peka dalam isu yang diketengahkan. Ada beberapa pelajar yang dapat menulis puisi mereka dengan gambaran perasaan yang lebih mendalam kerana pelajar telah memahami isu tersebut dengan lebih baik.

Perbincangan

Dapatan di atas, menunjukkan bahawa melalui proses pembelajaran yang berasaskan MES, pelajar telah menunjukkan penguasaan pembacaan kritis dengan bimbingan guru. Sekiranya pelajar dibiasakan dengan kaedah ini, pengkaji pasti mereka dapat melakukannya secara sendiri. Tambahan pula, MES memastikan pelajar dapat mengembangkan pengetahuan mereka dalam pelbagai sudut melalui pembacaan meluas. Apabila kaedah ini dikuasai, guru boleh memberikan pengkhususan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan pelajar dengan topik yang lebih mencabar dan meluas.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Bahasa Melayu Lanjutan berupaya menguasai pembacaan kritis atau literasi kritis. MES meningkatkan keupayaan pelajar untuk menganalisis teks dengan lebih kritis dan mengaplikasikan teks tersebut dalam pelbagai konteks yang berbeza. Walaupun tahap kajian yang dijalankan agak kecil, namun pendekatan yang digunakan adalah selaras dengan visi Arif Budiman dalam melahirkan generasi pelajar yang berilmu pengetahuan pada masa hadapan.

Kajian ini juga mendapati bahawa dalam membimbing pelajar menguasai pembacaan kritis, guru sendiri harus berani dan cekap menghadapi isu-isu yang bakal diutarakan oleh pelajar di samping memahami implikasi perbincangan tersebut dari sudut sosial, ekonomi, negara dan juga agama. Persiapan yang dilakukan oleh guru amat penting dalam memastikan perbincangan yang diadakan menepati batas-batas yang sesuai di peringkat sekolah menengah. Namun, dengan persiapan yang baik dan pembelajaran yang lebih berstruktur dapat membina pemikiran yang kritis dengan baik dalam kalangan pelajar.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Hamizah Begum Mohd Hanif
2. Mohideen Nizar Anwar



RUJUKAN

- Freebody, P., & Luke, A. (1990). Literacies programs: Debates and demands in cultural context. *Prospect: Australian Journal of TESOL*, 7-16.
- Further notes on the four resources model. Retrieved April 22, 2018 daripada laman: <https://www.literacyworldwide.org/get-resources/journalsLiteracies>
- Gainer, J. (2007, November). Social Critique and Pleasure: Critical Media. *Language Arts Vol.85*, pp. 106-114.
- Ministry of Education. (2011). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011*. Singapore: Curriculum Planning & Development Division.
- Ministry of Education. (2015, April 16). *21st Century Competencies*. Retrieved from Ministry of Education Web site: <https://www.moe.gov.sg/education/education-system/21st-century-competencies>
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle
- Stevens, L. P., & Bean, T. W. (2007). Critical Literacy at the Nexus of Praxis. In L. P. Stevens, & T. W. Bean, *Critical Literacy: Context, Research, and Practice in the K-12 Classroom* (pp. 61-93). California: SAGE Publications.

